

# Kapal selam nuklear di Indo-Pasifik

UM - 19/9/2021  
w/s: 3

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Penubuhan kerjasama melibatkan Australia, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) (AUKUS) yang bertujuan membantu Australia memperoleh kapal selam nuklear menimbulkan kegusaran Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerjasama tiga hala berkenaan dibimbangi bakal memangkin perlumbaan senjata nuklear di rantau Indo-Pasifik selain memprovokasi kuasa-kuasa lain untuk bertindak lebih agresif di rantau itu terutama di Laut China Selatan.

Justeru, sebagai anggota dalam ASEAN, beliau berkata, Malaysia terus memegang prinsip mengekalkan rantau ini sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN).

“Malaysia menekankan kepentingan menghormati dan mematuhi pendirian dan pen-

dekatan sedia ada terhadap kapal selam berkuasa nuklear yang beroperasi di perairan negara.

“Hal ini termasuk di bawah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkaitan Undang-Undang Laut 1982 dan Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ),” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri memberi respon tersebut selepas dihubungi Perdana Menteri Australia, Scott Morrison semalam, yang memberi penjelasan berkenaan AUKUS.

Terdahulu, China mengecam keputusan ketiga-tiga negara berkenaan yang mahu membina ‘pakatan baharu’ menerusi AUKUS dengan mendakwa sebagai tidak bertanggungjawab, berfikiran sempit selain berisiko merosakkan keamanan serantau dan memperhebatkan perlumbaan senjata.

Memetik laporan media antarabangsa, mela-

lui AUKUS, AS akan berkongsi teknologi kapal selam untuk pertama kali dalam tempoh 50 tahun yang sebelum ini hanya dikongsi dengan UK.

Keputusan tersebut bakal memberi laluan buat Australia untuk membangunkan kapal selam berkuasa nuklear.

**ISMAIL SABRI YAAKOB**

